

01 SEP 2002

Pengundi

SYED RAZAK MINTA SPR TANGANI MASALAH PENGUNDI HANTU

ALOR SETAR, 1 Sept (Bernama) -- Pengerusi Perhubungan Umno Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain meminta Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) segera menangani masalah pengundi hantu PAS pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit, baru-baru ini.

Menteri Besar Kedah itu mendakwa kehadiran para pengundi hantu itu membolehkan PAS memenangi kerusi DUN Anak Bukit itu.

"Ini tidak adil kerana kemenangan PAS di situ bukan kerana dipilih oleh pengundi tempatan tetapi dibantu oleh orang luar," katanya kepada pemberita di Kuala Kedah dekat sini selepas melakukan lawatan di Pulau Payar hari ini.

Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dua hari lepas membuat kenyataan bahawa PASas menggunakan pengundi hantu untuk mengekalkan kemenangan di Anak Bukit.

Dr Mahathir berkata semakan di empat peti undi DUN Anak Bukit dan Parlimen Pendang pada 18 Julai lalu mendapati PAS menggunakan pengundi hantu, iaitu mereka yang bukan lahir atau bekerja di kawasan itu.

Syed Razak berkata kenyataan Perdana Menteri itu sesuatu yang perlu diberikan perhatian penuh.

"Sebelum ini, PAS mendakwa Umno yang membawa masuk pengundi hantu tetapi rupanya mereka yang membawa masuk pengundi dari luar," katanya sambil meminta perkara itu diselesaikan secepat mungkin kerana negara akan menghadapi pilihan raya umum tidak lama lagi.

Sementara itu semalam, Persurujhaya Pas Kedah, Azizan Abdul Razak menafikan dakwaan Umno, bahawa parti pembangkang itu mengekalkan DUN Anak Bukit melalui penggunaan pengundi hantu.

Azizan berkata PAS tidak pernah memindahkan lebih 500 pengundi dari luar DUN Anak Bukit ke kawasan itu untuk memastikan kemenangan Pas.

-- BERNAMA

MNH NAK